

Jadikan tsunami pengajaran: Dr Mahathir

BH-5/2/2005: 6

BANDA ACEH: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika berucap di Masjid Baiturrahman di sini – tempat ratusan orang tersejamat daripada bencana tsunami 26 Disember lalu – berkata, malapetaka itu ialah ujian Tuhan terhadap iman orang Islam.

Katanya, bencana itu seharusnya menjadi pengajaran kepada umat Islam agar terus berusaha gigih membina kehidupan mereka dan keluarga tanpa terlalu berserah kepada takdir.

“Nasib umat Islam zaman ini sangat buruk berbanding zaman tamadun Islam dulu. Adakah ini memang nasib kita atau kita boleh mengubah nasib kita.

“Dalam al-Quran Allah berfirman tidak akan mengubah nasib seseorang kecuali mereka sendiri berusaha mengubahnya. Jika kita hanya berserah kepada takdir, seolah-olah kita menuduh Tuhan atas nasib malang kita,” katanya.

Dr Mahathir diberi penghormatan oleh pihak berkuasa masjid terbesar di wilayah Aceh itu untuk berucap selepas menunaikan solat Jumaat bersama lebih 5,000 jemaah.

Beliau berkata, umat Islam tidak hanya boleh bersedih dengan keja-

dian itu tetapi sebaliknya perlu menjadikannya sebagai pengajaran sama ada apa yang mereka amalkan benar-benar mengikut ajaran agama.

“Umat Islam seharusnya berusaha memperbaiki kehidupan kerana ‘yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih tidak akan datang melayang’ kalau kita tidak berusaha mendapatkannya,” katanya.

Dr Mahathir yang dalam lawatan tiga hari ke Aceh berkata, semalam (kelmarin) beliau meninjau kemusnahan akibat tsunami dan gempa bumi dari udara, termasuk wilayah Meulaboh, iaitu kawasan yang paling teruk dilanda bencana itu.

Dianggarkan lebih 112,000 orang terkorban di situ dalam tragedi berkenaan manakala lebih 127,000 lagi masih hilang.

“Sepanjang pantai, saya lihat betapa besarnya malapetaka yang melanda rakyat Aceh. Ini satu ujian Tuhan terhadap iman kita. Kita harus pandang ini sebagai satu pengajaran kepada kita,” katanya.

Bekas Perdana Menteri juga bercakap mengenai banyak masjid di Aceh yang masih berdiri kukuh walaupun dihempas tsunami sedangkan pelbagai bangunan lain di sekelilingnya ranap sama-sekali.



DR MAHATHIR bermesra dengan penduduk Aceh selepas solat Jumaat di Banda Aceh, semalam. – Gambar Reuters

“Ini mungkin sebab masjid adalah rumah Allah. Tetapi mungkin juga kerana pembinaan masjid lebih kemas berbanding bangunan lain seperti rumah. Ia mungkin tidak prak-

tikal dari segi kos tetapi kita mungkin boleh melihat dari segi pembinaannya yang kemas,” katanya.

Dr Mahathir berkata, penduduk Aceh yang hampir keseluruhannya

beragama Islam perlu berusaha untuk membangunkan semula negeri mereka sehingga menjadi seperti sedia kala sebelum bencana. – Bernama